

02 JUN 2003

MAHATHIR-G8/I

SIDANG KEMUNCIAK G8 BERSAMA BUKAN ANGGOTA SANGAT BERGUNA - DR MAHATHIR

Oleh: Yong Soo Heong

LAUSANNE, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Sidang Kemuncak G8 yang buat kali pertama turut disertai bukan anggotanya, sebagai berguna kerana telah menyediakan peluang dialog yang berkesan dan berguna antara negara kaya dan membangun.

"Ia sesuatu yang menuju ke arah yang betul dan sememangnya telah melebihi jangkaan kita," katanya apabila ditanya mengenai hasil dialog tidak rasmi yang berlangsung semalam.

Ini adalah kali pertama pemimpin-pemimpin G8 berjumpa dengan begitu banyak pemimpin negara membangun dalam forum G8.

Presiden Perancis Jacques Chirac selaku tuanrumah telah menjemput pemimpin 12 negara membangun termasuk Malaysia, serta jirannya, Switzerland serta empat pertubuhan antarabangsa untuk bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai topik dengan rakan-rakannya dalam G8.

Dr Mahathir memberitahu wartawan Malaysia, pemimpin-pemimpin G8 nampaknya telah memberikan perhatian terhadap pandangan yang dikemukakan oleh negara-negara membangun apabila mereka membuat pertimbangan.

Perdana Menteri berkata beliau juga mencadangkan format sidang kemuncak G8 seumpama ini diteruskan dan Presiden AS, George W. Bush, yang akan mempengerusikan G8 tahun depan telah memberikan jaminannya untuk meneruskan dengan dialog tidak rasmi itu.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), mengingatkan bahawa ini merupakan kejayaan besar utama kepada negara-negara Selatan sejak dua tahun lalu apabila pengerusi NAM hanya mampu menyerahkan memorandum kepada Sidang Kemuncak G8 di Tokyo.

Dapat menyampaikan sesuatu pandangan merupakan suatu yang sangat penting kerana ia bermakna G8 tidak bertindak secara unilateral seperti dalam kes beberapa tahun lalu apabila ia memutuskan di mesyuarat G7 (sebelum bertukar menjadi G8) bahawa yen Jepun perlu dinilai semula untuk mengurangkan eksport Jepun ke luar negara kerana banyak negara yang mempunyai defisit perdagangan dengan Jepun.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata langkah oleh Jepun itu telah menyebabkan keadaan yang lebih sukar apabila pinjaman yang didenominasi dalam yen meningkat sehingga tiga kali ganda hanya kerana G7 memutuskan nilai yen perlu dinaikkan.

Beliau berkata jika sekiranya terdapat dialog seperti Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 ini, perkara tersebut tidak akan berlaku.

Dr Mahathir berkata sidang kemuncak bersama bukan anggota ini sangat berkesan dan bermanfaat kerana terdapat pandangan positif daripada lapan negara kaya serta agensi-agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Perdana Menteri juga berkata pengarah urusan IMF Horst Kohler, telah memuji Malaysia, Brazil dan Mexico bagi pengurusan kewangan dan pemulihan institusi kewangan mereka.

"Kita telah mempermodalkan semula bank-bank kita, menjadikan ia lebih telus, menguruskan pinjaman tidak berbayar dan secara umumnya kita telah meningkatkan suasana perniagaan di Malaysia," katanya.

Apabila ditanya apakah isu yang dibangkitkannya sepanjang perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin lain, Dr Mahathir berkata beliau memberi komen mengenai bantuan AS\$15 bilion (RM57 bilion) yang dijanjikan oleh Amerika Syarikat untuk menangani masalah HIV/AIDS dan menyatakan usaha-usaha antarabangsa perlu diambil untuk memerangi penyakit-penyakit

baru.

Dengan mengambil contoh wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), beliau berkata sehingga kini masih belum ditemui sebarang vaksin penawar dan ciri-ciri penyakit itu juga masih belum diketahui.

Beliau berkata sekiranya tiada langkah kerjasama di peringkat antarabangsa untuk memerangi penyakit-penyakit baru terdapat kemungkinan dunia akan menyaksikan pandemik kerana dalam dunia moden sekarang terlalu mudah untuk orang ramai membuat perjalanan beribu-ribu kilometer dengan pantas.

Apabila ditanya mengenai sentimen mesyuarat itu, beliau berkata para pemimpin cuba mengelakkan daripada sebarang konfrontasi dan kontroversi.

Soalan mengenai isu Iraq tidak ditanya, katanya. Ramai yang menjangkakan tindakan pencerobohan atas Iraq yang diketuai AS akan menjadi isu utama di forum G8.

"Semuanya berkelakuan baik," katanya, sambil menambah Chirac berjaya mampengurusikan mesyuarat itu dengan bijak.

Merujuk pertemuan dua halanya dengan Presiden Russia Vladimir Putin di mesyuarat sampingan sidang kemuncak tidak rasmi itu, beliau berkata mereka mempunyai pandangan yang serupa bagi banyak isu antarabangsa.

Putin, yang dijadual mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia tidak lama lagi, kelihatan begitu berminat untuk datang, Dr Mahathir.

Sepanjang dialog di sidang kemuncak itu, Dr Mahathir berkata pemimpin Russia itu telah menyebut nama Malaysia beberapa kali dengan nada yang positif dan menyatakan ia boleh dijadikan sebagai satu contoh kepada negara-negara Afrika.

"Beliau (Putin) bersedia mendengar pandangan kita, kita perlu mengambil kesempatan daripada ini," katanya.

Apabila ditanya sama ada beliau ada bercakap dengan bekas pengarah urusan IMF Michel Camdessus apabila kini agensi antarabangsa seperti IMF menyatakan bahawa langkah modal berpilih yang dilaksanakan Malaysia adalah wajar, Dr Mahathir, "Kita tidak mahu bermegah dengan perkara itu. Dunia memakluminya."

Dr Mahathir berkata kini dolar AS berada di bawah tekanan sebahagiannya akibat daripada pedagang mata wang. Suruhanjaya Bursa Sekuriti AS (SEC) telah menyuarakan pandangan agar dagangan mata wang dikawal dan peniaga mata wang perlu didesak untuk lebih telus.

Pandangan SEC itu adalah ketika pedagang mata wang meniaga sebegitu banyak wang, urusaniaga mereka tidak boleh diperolehi oleh pihak berkuasa.

"Kita telahpun menyatakannya lima tahun lalu dan kini mereka (SEC) baru menyatakannya. Bermakna kini kita tidak bersalah." -- BERNAMA

SHY MR ZK